

TINJAUAN PENGARUH FASA BULAN TERHADAP AKTIVITI
MENCANDAT SOTONG DI PERAIRAN TERENGGANU

FAKHRUR - RAZI BIN RAZALI

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

1996

LP
8
FPSS
1
1996

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA TERENGGANU

TINJAUAN PENGARUH FASA BULAN TERHADAP AKTIVITI
MENCANDAT SOTONG DI PERAIRAN TERENGGANU

FAKHRUR-RAZI BIN RAZALI

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
1996

0200003685

1100023928

**TINJAUAN PENGARUH FASA BULAN TERHADAP AKTIVITI
MENCANDAT SOTONG DI PERAIRAN TERENGGANU**

OLEH

FAKHRUR-RAZI BIN RAZALI

**Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk
mendapatkan Ijazah Bachelo Sains Perikanan**

**FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR
1996**

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam kerana dengan izin dan kurnianya jugalah maka kajian yang tidak seberapa ini dapat disempurnakan.

Di kesempatan ini, saya ingin sampaikan penghargaan yang tidak terhingga untuk bonda, Puan Hawa bte Md. Halib dan juga ayahanda, Tuan Hj. Razali bin Hj. Alwi yang telah banyak memberi sokongan moral dan material. Tanpa sokongan mereka, tidak mungkin kajian ini dapat dilaksanakan. Allah sahaja yang membalas budi mereka.

Penghargaan khas diberikan kepada tuan penyelia iaitu Tuan Hj. Zainal Ashirin bin Shahardin, guru yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya dalam banyak perkara, terutamanya dalam menjayakan projek ini.

Penghargaan seterusnya adalah kepada rakan-rakan yang banyak memberi bantuan moral, tenaga serta masa iaitu Hamidi Husnin bin Abdullah, Ruzaidi bin Mamat, Moharapi dan Sukree Hajisamac. Tidak dilupakan juga kepada kakitangan dan pengurus PPC (Pengurusan Pelabuhan Cendering), Encik Raja Khalid bin Raja Ariffin yang banyak memberi bantuan dalam menjayakan kajian. Akhir sekali kepada sepupu, Mohd. Fazal bin Md Tahir yang memberikan khidmat nasihat percuma dalam menganalisis data-data.

ABSTRAK

Kajian mengenai pengaruh fasa bulan terhadap aktiviti mencandat di perairan Terengganu di buat dengan menganalisis data-data pendaratan harian yang diambil daripada pihak PPC (Pengurusan Pelabuhan Cendering).

Dengan menganalisis data-data secara ANOVA, Ujian Tukey serta Perbandingan Carta Pai didapati terdapat perbezaan yang ketara di dalam kuantiti (kg) serta peratusan spesis *Loligo chinensis* di antara fasa bulan mengambang dan fasa bulan gelap. Fasa bulan mengambang mencatatkan pendaratan yang jauh lebih tinggi berbanding pendaratan dalam fasa bulan gelap. Ini seolah-olah, kehadiran cahaya bulan meningkatkan kecekapan alatan candat.

Keputusan yang diperolehi memberi petunjuk tentang sifat fototaksis spesis yang dikaji yang berbeza daripada spesis sotong lain.

Pendaratan dalam tempoh bulan mengambang adalah di antara 36 hingga 46 peratus manakala pendaratan dalam tempoh bulan gelap adalah di sekitar 12 hingga 16 peratus daripada jumlah pendaratan bagi semua fasa bulan (bagi satu tempoh yang setara).

ABSTRACT

A study on the effects of moon phases on jigging activities in Terengganu waters was carried out by analyzing the daily landing data provided by the CPA (Cendering Port Authority).

The data was analyzed and compared using ANOVA, Tukey Test and Pie Charts. The results show that the species of interest, *Loligo chinensis* was more vulnerable to the jig during the full moon period compared to the new moon period in term of quantity (kg) or percentage. It seems that the presence of moonlight, enhanced the efficiency of jigging.

The results obtained also revealed that the phototactic behaviour of the studied species is differ from other squids.

The landing during the full moon period ranged between 36 to 46 percent whereas the landing during the new moon period ranged between only 12 to 16 percent from the total landing of the whole lunar phases (within the equal time interval).